

21/05/2001

Kelonggaran syarat satu keistimewaan

KUALA LUMPUR, Ahad - Perlembagaan Umno tidak perlu dipinda untuk memberi kelonggaran kepada kaum Cina Sabah menyertai Umno kerana ia adalah satu kes istimewa.

Malah, Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib berkata ini bukanlah kali pertama Umno membuka pintu kepada bangsa lain kerana sebelum ini parti itu pernah memberi kelonggaran kepada bangsa Portugis di Melaka dan Thai di Kedah.

"Kita pernah memberi peluang kepada orang Portugis dan Thai untuk menyertai Umno. Malah, orang India yang masuk Islam juga ada yang memegang jawatan sebagai ketua cawangan hari ini. Jadi apa bezanya dengan memberi kelonggaran kepada kaum Cina di Sabah?"

"Ini adalah satu kes istimewa kerana dengan pembubaran parti Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) hari ini, ahlinya diberi pilihan untuk menyertai Umno atau parti komponen Barisan Nasional lain," katanya ketika dihubungi Berita Harian di sini hari ini.

Beliau mengulas pengumuman Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memberi kelonggaran kepada kaum Cina Sabah menyertai Umno.

Muhammad berkata, tidak ada sebab mengapa Umno di Semenanjung dan parti komponen BN lain tidak memberi sokongan kepada langkah itu.

Ditanya sama ada akan wujud pertembungan kepentingan jika keahlian Umno dibuka kepada kaum Cina, beliau berkata: "Sekarang ini, segala-galanya mungkin. Hari ini, kes Akar menjadi satu kes istimewa tetapi di masa depan, apa pun boleh berlaku."

Sementara itu di JOHOR BAHRU, Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu berkata langkah membenarkan kaum lain menyertai Umno adalah langkah baik bagi menyatupadukan masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

"Ini adalah langkah yang wajar dialu-alukan dan MIC sendiri sanggup menyertai Umno jika diminta berbuat demikian oleh Dr Mahathir," katanya.

"Saya boleh mengadakan perhimpunan tergepar dan memaklumkan semua ahli MIC mengenai cadangan ini untuk dilaksanakan," katanya kepada pemberita selepas upacara penutup Perhimpunan Agung MIC Ke-55, di sini hari ini.

Bagaimanapun, beliau menggariskan bahawa semua pemegang jawatan utama parti perlu dibenar mengekalkan kedudukan masing-masing supaya tidak menjejaskan perwakilan mengikut nisbah kaum di negara ini.

Katanya, yang juga Menteri Kerja Raya, jika benar Umno mahu membuka pintunya, maka beberapa bahagian mengikut kaum perlu diwujudkan dalam Umno supaya segala urusan berjalan lancar.

Samy Vellu berkata, beliau yakin bahawa cadangan Dr Mahathir itu mempunyai maksud yang mendalam dan perlu ditafsirkan sebagai usaha untuk mengukuhkan perpaduan dan keharmonian sebagai bangsa Malaysia yang bersatu.

(END)